

18/06/1997

Akhbar Indonesia kagum kejayaan Malaysia

KUALA LUMPUR, Selasa - Gatra, majalah mingguan berita yang berpengaruh di Indonesia, mengakui bahawa Malaysia yang dulunya dianggap oleh rakyat Indonesia sebagai `adik', kini sudah melangkah jauh mendahului negara terbesar di Asia Tenggara itu.

Menurut majalah itu dalam satu komentar yang disiarkan dalam keluaran terbarunya, salah satu faktor yang mendukung kejayaan Malaysia adalah usaha Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membangkitkan rasa percaya diri bangsanya melalui apa yang disebut sebagai `Malaysia Boleh'.

Faktor lain ialah semangat tidak mahu kalah kepada Singapura yang dilihat melalui projek Koridor Raya Multimedia (MSC) dan pembangunan Pelabuhan Klang sebagai antara pelabuhan yang terbaik di dunia untuk menyaingi republik itu.

Usaha menjadikan Malaysia sebagai negara informasi bukan mimpi di siang hari kerana Malaysia adalah salah satu negara yang agresif dalam mengirim warganya ke luar negeri untuk belajar, kata Gatra.

Gatra berkata, suka atau tidak suka, Indonesia harus `acungkan jempul' (menyatakan syabas) kepada Malaysia.

(END)